

NARATIF DAN MESEJ ANIMASI TERHADAP PEMBENTUKAN KAREKTOR KANAK-KANAK MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

NARRATIVE AND MESSAGE OF ANIMATION ON THE CHARACTER FORMATION OF CHILDREN FROM AN ISLAMIC PERSPECTIVE

Hanifah Musa Fathullah Harun ^{1*}

Nurin Alya Jhon Kenedi ²

Ahmad Muhyuddin Hassan ³

Siti Suhaila Ihwani ⁴

¹ Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Jalan Sultan Yahya Petra, 54100 Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, 40450 Shah Alam (Email: hanifah82@graduate.utm.my)

² Jabatan Sains Matematik, Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bahru, 81310 Johor (Email: nurinalya@graduate.utm.my)

³ Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bahru, 81310 Johor (Email: amdean@utm.my)

⁴ Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Jalan Sultan Yahya Petra, 54100 Kuala Lumpur (Email: sitisuhaila@utm.my)

*Corresponding author: hanifah82@graduate.utm.my

Article history

Received date : 20-12-2025

Revised date : 21-12-2025

Accepted date : 15-1-2026

Published date : 30-1-2026

To cite this document:

Harun, H. M. F., Kenedi, N. A. J., Hassan, A. M., & Ihwani, S. S. (2026). Naratif dan mesej animasi terhadap pembentukan karektor kanak-kanak menurut perspektif Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (80), 437 – 451.

Abstrak: Animasi merupakan medium komunikasi visual yang semakin dominan dalam kehidupan kanak-kanak pada era digital. Gabungan naratif dan mesej dalam animasi bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga berperanan membentuk karekter, nilai, dan sahsiah. Walaupun animasi berpotensi menjadi alat bantu didik, terdapat kebimbangan terhadap kandungan yang tidak sesuai, seperti unsur keganasan, stereotaip negatif, dan nilai yang bercanggah dengan prinsip Islam. Selain itu, penggunaan gajet secara berlebihan untuk menonton animasi boleh menjejaskan perkembangan emosi, sosial, dan sahsiah kanak-kanak. Kekurangan garis panduan yang jelas bagi penghasilan animasi patuh Syariah juga menimbulkan cabaran kepada penggiat industri dan pendidik. Kajian ini bertujuan menganalisis kesan naratif dan mesej animasi terhadap pembentukan karektor kanak-kanak serta menilai kesesuaiannya dengan perspektif pendidikan Islam yang menekankan prinsip tauhid, akhlak mulia, dan nilai murni. Melalui pendekatan kualitatif berbentuk analisis kandungan terhadap beberapa siri animasi tempatan dan antarabangsa, dapatan menunjukkan bahawa animasi yang menyampaikan mesej positif dan selari dengan ajaran Islam berpotensi menjadi alat bantu didik yang berkesan. Sebaliknya, pendedahan kepada kandungan tidak sesuai serta penggunaan gajet secara berlebihan boleh menjejaskan perkembangan emosi,

sosial, dan sahsiah kanak-kanak. Hasil kajian ini diharap dapat menjadi panduan kepada penggiat industri animasi, ibu bapa, dan pendidik dalam menghasilkan serta memilih kandungan yang menyokong pembentukan insan berakhlak mulia dan berjati diri.

Kata Kunci: *Animasi, Komunikasi Visual, Implikasi, Etika, Moral dan Ketamadunan*

Abstract: *Animation is a visual communication medium that has become increasingly dominant in the lives of children in the digital era. The combination of narrative and message in animation functions not only as entertainment, but also plays a significant role in developing children's character, values, and moral conduct. Although animation has the potential to serve as an effective educational tool, concerns have been raised regarding unsuitable content, such as elements of violence, negative stereotyping, and values that contradict Islamic principles. In addition, excessive use of gadgets for viewing animation may negatively affect children's emotional, social, and moral development. The lack of clear guidelines for producing Shariah-compliant animation further presents challenges for industry practitioners and educators.*

This study aims to analyse the effects of narrative and messages in animation on children's character formation and to evaluate their alignment with the Islamic educational perspective, which emphasises the principles of tawhid, virtuous character, and noble values. Using a qualitative content analysis approach on selected local and international animation series, the findings indicate that animations conveying positive messages consistent with Islamic teachings have the potential to serve as effective educational tools. Conversely, exposure to inappropriate content and excessive gadget use may hinder children's emotional, social, and moral development. The outcomes of this study are expected to provide guidance for animation creators, parents, and educators in producing and selecting content that supports the development of morally upright and resilient individuals..

Keywords: *Animation, Visual Communication, Implications, Ethics, Morality, Civilisation*

Pengenalan

Animasi merupakan satu bentuk seni visual yang menghidupkan imej melalui pergerakan berurutan, sama ada menggunakan lukisan tangan, animasi komputer, atau teknik lain seperti stop-motion. Dalam konteks pendidikan dan hiburan kanak-kanak, animasi menjadi medium yang sangat berkesan kerana sifatnya yang interaktif, berwarna-warni, dan mudah difahami. Kanak-kanak cenderung menyerap maklumat melalui rangsangan visual dan audio, menjadikan animasi sebagai alat yang berpengaruh dalam membentuk pemikiran serta tingkah laku mereka. Naratif dalam animasi merangkumi jalan cerita, watak, konflik, dan penyelesaian yang membawa mesej tertentu.

Mesej ini, sama ada tersurat atau tersirat, berpotensi mempengaruhi pembentukan karektor dan sahsiah kanak-kanak, khususnya dalam fasa awal perkembangan mereka yang kritikal. Pada peringkat ini, kanak-kanak mudah meniru dan menginternalisasi apa yang mereka lihat dan dengar. Menurut perspektif Islam, pendidikan awal kanak-kanak perlu berteraskan prinsip tauhid, nilai murni, dan akhlak terpuji. Kandungan animasi yang tidak selari dengan nilai-nilai ini berisiko menjejaskan pembentukan sahsiah dan jati diri anak-anak. Oleh itu, naratif dan mesej dalam animasi bukan sahaja perlu menarik, tetapi juga mendidik serta membina.

Perkembangan teknologi digital telah menjadikan animasi sebagai salah satu medium komunikasi visual yang paling dominan dalam kehidupan kanak-kanak masa kini. Animasi

bukan sekadar berfungsi sebagai hiburan, malah turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pemikiran, emosi, dan tingkah laku mereka. Naratif dan mesej yang terkandung dalam animasi mampu membentuk nilai, sahsiah, dan karektor kanak-kanak sama ada secara positif atau negatif (Ismail et al., 2024). Dalam konteks pendidikan Islam, media seperti animasi seharusnya menjadi alat bantu didik yang menekankan prinsip tauhid, akhlak mulia, dan nilai murni (Fithriyya et al., 2023). Namun, fenomena ini menimbulkan kebimbangan apabila sebahagian kandungan animasi mengandungi unsur yang bercanggah dengan nilai murni dan prinsip Islam, seperti keganasan, stereotaip negatif, serta gaya hidup yang tidak sesuai (Langga et al., 2020). Penggunaan gajet secara berlebihan untuk menonton animasi juga boleh memberi implikasi terhadap perkembangan emosi dan sosial kanak-kanak (Ahmad & Ibrahim, 2024). Kekurangan garis panduan yang jelas bagi penghasilan animasi patuh Syariah turut menjadi cabaran kepada penggiat industri dan pendidik dalam memastikan kandungan yang dihasilkan selamat serta mendidik (Saiful Bahri et al., 2023).

Masalah Kajian

Menurut Denin dan Hassan (2022), kartun berunsur keganasan seperti paparan darah, aksi memenggal, dan watak sadis berpotensi menyebabkan trauma serta perubahan tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak. Lambakan kandungan animasi atas talian yang menampilkan visual makhluk ganas, aksi memakan watak lain, darah bersemburan, serta adegan menikam dan memenggal turut menimbulkan kebimbangan terhadap kesan peniruan dan kesejahteraan emosi kanak-kanak. Walaupun animasi berfungsi sebagai medium dominan dalam kehidupan kanak-kanak dan terbukti efektif menyampaikan nilai serta pembelajaran (M. Sharib, 2018), tidak semua animasi memaparkan mesej positif. Terdapat siri animasi yang menggunakan bahasa kasar atau memperlihatkan tingkah laku tidak sesuai, yang berpotensi ditiru oleh kanak-kanak. Situasi ini bercanggah dengan fungsi animasi sebagai alat pembentukan sahsiah dan nilai.

Dari sudut perkembangan awal kanak-kanak, paparan kartun digital berkelajuan tinggi berisiko mengganggu perkembangan neural, sekali gus menjejaskan kemahiran bahasa, sosial dan emosi pada usia kritikal awal kehidupan (RTM, 2025). Hal ini menimbulkan kebimbangan apabila kandungan animasi yang tidak seimbang semakin mudah diakses oleh kanak-kanak melalui platform atas talian. Selain itu, Fithriyya et al. (2023) mendapati bahawa sebahagian ibu bapa lebih menumpukan kawalan terhadap intensiti penggunaan gajet berbanding pemantauan kandungan yang ditonton. Kekurangan pemantauan kandungan ini boleh menyebabkan kanak-kanak terdedah kepada animasi yang tidak sesuai usia dan akhirnya memberi kesan negatif kepada perkembangan sahsiah mereka.

Walaupun banyak kajian meneliti kesan masa skrin terhadap kanak-kanak, kajian yang meneliti secara khusus pengaruh kandungan animasi atas talian yang tidak sesuai terhadap perkembangan emosi dan sahsiah kanak-kanak, khususnya dalam konteks tempatan, masih terhad. Jurang ini menuntut penyelidikan yang lebih mendalam bagi memahami impak sebenar kandungan animasi terhadap pembentukan sahsiah kanak-kanak dalam era digital.

Kajian Literatur

Animasi dan Pendidikan Anak-Anak

zaman kanak-kanak merupakan tahap penting dalam pembentukan sahsiah. Setiap pendedahan yang diterima sejak kecil akan mempengaruhi kehidupan apabila dewasa. Pada usia ini, minda dan emosi kanak-kanak mudah menerima pengaruh sama ada positif mahupun negatif.

Persekitaran, termasuk keluarga dan media, memainkan peranan besar dalam membentuk tingkah laku. Kajian menunjukkan media memberi kesan lebih besar terhadap tingkah laku berbanding pengetahuan, khususnya dalam aspek gaya hidup, hiburan, dan fesyen. Oleh itu, dakwah melalui media seperti filem perlu diperkasa (Hamdanah et al.).

Animasi berunsur Islamik yang menekankan nilai agama mampu mendidik dan menghiburkan secara serentak, sekali gus membentuk akhlak yang baik dalam diri kanak-kanak. Kandungan seperti sirah Rasulullah SAW dan kisah nabi berpotensi dijadikan bahan animasi untuk menanamkan nilai murni sejak usia awal. Sebaliknya, kajian mendapati bahawa animasi yang sarat dengan unsur negatif seperti keganasan, ejekan, dan bahasa kasar boleh memberi kesan buruk terhadap komunikasi serta tingkah laku sosial kanak-kanak (Mat Ariff & Mahbob, 2020). Oleh itu, pemilihan animasi yang sesuai amat penting bagi memastikan ia menjadi medium pendidikan sahiah yang berkesan. Mohd Aris et al. (2023) menegaskan, minda kanak-kanak sangat mudah dipengaruhi oleh rancangan yang ditonton melalui televisyen atau media lain. Kanak-kanak akan memproses secara aktif apa yang dilihat dan memberikan reaksi terhadap paparan audio-visual, seterusnya mempelajari cara berfikir dan bertindak laku melalui kandungan, karakter, dan plot cerita. Animasi bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, malah mampu menyokong kefahaman pembelajaran secara efektif serta mempengaruhi pembentukan sikap dan tingkah laku kanak-kanak melalui nilai moral yang dipaparkan. Dapatan ini sejalan dengan kajian antarabangsa yang turut membuktikan bahawa pendedahan terhadap kandungan tidak sesuai meningkatkan agresiviti dan tingkah laku meniru dalam kalangan kanak-kanak (Anderson et al., 2017).

Animasi tempatan memainkan peranan penting dalam menyampaikan naratif positif kepada masyarakat, khususnya kanak-kanak. Melalui elemen sains, naratif dan mesej yang dibawa, animasi bukan sahaja berfungsi sebagai alat hiburan, tetapi juga sebagai medium pendidikan yang berkesan. Kajian menunjukkan animasi seperti Omar & Hana dan Didi & Friends mendapat sambutan positif kerana nilai murni dan kandungan pendidikan yang selaras dengan budaya serta agama. Sebagai contoh, kajian terhadap lagu Omar & Hana menekankan nilai menghargai, kasih sayang, syukur, hormat jiran, dan komuniti, manakala kajian terhadap lagu Didi & Friends menunjukkan peningkatan kosa kata kanak-kanak Iban dalam Bahasa Melayu (Syed Azmy et al., 2021). Sebaliknya, kajian antarabangsa lebih memberi perhatian kepada aspek neurologi dan kesan kognitif, misalnya kesan rangsangan visual berlebihan terhadap perkembangan otak dan tumpuan kanak-kanak.

Sintesis antara kedua-duanya menunjukkan bahawa, walaupun terdapat persetujuan mengenai pengaruh animasi terhadap tingkah laku, kajian tempatan lebih menekankan orientasi nilai dan moral, manakala kajian antarabangsa memberi fokus kepada kesan psikologi dan perkembangan kognitif. Jurang ini menunjukkan perlunya kajian integratif yang melihat kedua-dua aspek serentak dalam konteks Malaysia.

Dalam konteks pendidikan, animasi menjadi sumber pembelajaran berguna. Kandungan berasaskan warisan budaya Malaysia, seperti cerita rakyat dan legenda setempat, berperanan memperkenalkan budaya sambil meningkatkan kemahiran bahasa dan mendengar. Hal ini dapat dilihat melalui naratif animasi tempatan yang memperkaya proses pembelajaran melalui pendekatan edutainment, di samping memaparkan nilai didaktik serta mencerminkan budaya masyarakat Malaysia (Jumrah & Jumrah, 2024). Dalam konteks lebih luas, animasi menyumbang kepada pembelajaran kolektif masyarakat. Kajian tempatan mendapati animasi yang mengangkat kisah tempatan mengupayakan penyampaian maklumat kompleks secara mudah, memperkukuh identiti budaya dan perpaduan dalam kalangan kanak-kanak, di samping

memperluas capaian global. Hal ini dapat dilihat melalui kejayaan Upin & Ipin yang mendapat capaian antarabangsa (Md Ariff et al., 2023)

Teori Komunikasi dan Psikologi Kanak-Kanak

Dari perspektif teori komunikasi dan psikologi, kanak-kanak merupakan golongan yang mudah terpengaruh dengan mesej yang disampaikan melalui media animasi. Teori Pembelajaran Sosial oleh Bandura menjelaskan bahawa kanak-kanak cenderung meniru tingkah laku yang dilihat, termasuk melalui media visual. Kajian oleh Mat Ariff dan Mahbob (2020) mendapati mesej positif dalam animasi memberi impak signifikan terhadap kemahiran komunikasi interpersonal kanak-kanak, manakala mesej negatif seperti ejekan atau keganasan boleh menjejaskan pembelajaran sosial. Justeru, kandungan animasi yang sarat dengan nilai murni dan komunikasi beradab dapat membantu membentuk keperibadian yang seimbang dari segi emosi dan sosial.

Dalam usaha memahami teori komunikasi dan psikologi kanak-kanak, adalah penting untuk mengkaji bagaimana interaksi sosial mereka terbentuk melalui perilaku prososial dan komunikasi berkesan. Penelitian oleh Azlan dan Alavi (2024) menunjukkan bahawa sikap menolong dalam konteks kesukarelawanan dalam kalangan murid sekolah rendah dapat diperkukuh melalui pengintegrasian nilai murni dalam kurikulum. Secara khusus, pembinaan kemahiran sosial, termasuk komunikasi verbal dan bukan verbal, amat penting dalam mengembangkan hubungan interpersonal yang positif dalam kalangan kanak-kanak prasekolah (Zakaria et al., 2025).

Dari perspektif psikologi kanak-kanak, Mutmainna (2024) berpendapat bahawa komunikasi berkesan, seperti interaksi terbuka, dialog penuh perhatian, serta contoh tingkah laku positif, memainkan peranan penting dalam membentuk karakter anak. Pendekatan yang berkesan akan membentuk nilai dan sikap empati, tanggungjawab, dan keterbukaan. Sebaliknya, pola komunikasi yang terhad, seperti pengabaian atau kekurangan masa bersama berpotensi mengakibatkan kecenderungan perilaku negatif pada anak seperti ketidakpatuhan dan kecenderungan kepada isolasi sosial. Hal ini jelas menunjukkan kepentingan pemahaman psikologi perkembangan oleh pendidik, ibu bapa mahupun masyarakat untuk menerapkan strategi yang sesuai, meskipun kajian oleh Mahbubi et al. (2023) lebih menekankan aspek interaksi dalam konteks pendidikan.

Prinsip Hiburan Menurut Perspektif Islam

Mesej dan naratif dalam animasi sering memberikan impak yang mendalam terhadap pembentukan karakter kanak-kanak, khususnya dari perspektif Islam. Islam ialah agama yang menitikberatkan nilai moral dan akhlak serta menyediakan panduan yang jelas dalam mendidik kanak-kanak dan membentuk sahsiah mereka. Dalam konteks ini, adalah penting untuk memahami bagaimana naratif yang disampaikan melalui animasi, selaras dengan ajaran Islam, dapat mempengaruhi pembentukan karakter yang baik dalam kalangan generasi muda.

Pandangan Islam mengenai pendidikan dan pembentukan karakter dapat ditemui dalam pelbagai sumber, termasuk al-Quran dan hadis. Pendidikan yang ditanamkan melalui budaya keagamaan pada kanak-kanak mampu membentuk karakter yang positif dan konsisten dengan ajaran Islam (Pamuji et al., 2024). Allah SWT menjelaskan beberapa ayat dengan menitik berat berkaitan pendidikan anak-anak antaranya:

Surah	Ayat al-Quran	Maksud	Pengajaran
Surah Luqman (31:13-14)	يَا بُنَيَّ لَا تَشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ	“Wahai anakku! Janganlah engkau mempersekutukan Allah; sesungguhnya mempersekutukan-Nya adalah suatu kezaliman yang besar.”	Mengajar tauhid, nilai berbakti
	وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ... أَنْ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ .	“Dan Kami perintahkan kepada manusia supaya berbuat baik kepada kedua ibu bapaknya... dan (selesai) susunya adalah dua tahun. Maka bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu; kepada-Ku jua tempat kembali	
Surah At-Tahrim (66:6)	يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا...	“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka...”	Menjaga kebajikan dan keselamatan keluarga
Surah Al-Isra' (17:24)	وَاحْفَظْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ...	“Dan rendahkanlah untuk mereka (ibu bapa) sayap kelembutan dan kasihan...”	Kasih sayang & hormat dalam didik
Surah Al-Isra' (17:31)	وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ	“Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana takut kemiskinan; sesungguhnya Kami-lah yang memberi rezeki kepada mereka dan juga kepada kamu.”	Anak-nak berhak mendapatkan jaminan keselamatan

Selain itu, pendekatan pembelajaran melalui permainan yang sering diterapkan dalam animasi dapat membantu mengembangkan aspek sosial dan emosi kanak-kanak. Pendekatan ini bukan sahaja merangsang kreativiti mereka, tetapi juga menguatkan nilai-nilai Islami seperti kesabaran, kejujuran, dan disiplin (Razak et al., 2021). Dalam konteks ini, Sairan (2024) menekankan bahawa pendidikan awal kanak-kanak seharusnya tidak hanya berfokus kepada aspek akademik, tetapi turut membentuk kecerdasan emosi dengan cara yang menarik dan menyenangkan. Oleh itu, penggunaan animasi dalam pendidikan dapat dijadikan sebagai salah satu pendekatan efektif dalam menyampaikan mesej moral yang positif kepada kanak-kanak.

Dalam al-Quran, Allah SWT memerintahkan umat-Nya untuk menjadikan kehidupan yang baik dan berakhlak mulia sebagai matlamat. Perintah ini sejajar dengan penerapan nilai-nilai dalam animasi yang mendidik ke arah pembangunan sahsiah. Sebagai contoh, pendidikan solat diperkenalkan seawal usia bagi membantu anak-anak mengembangkan sifat disiplin dan tanggungjawab, selaras dengan pembentukan karakter dalam ajaran Islam. Melalui naratif yang diolah dan dipersembahkan dalam bentuk animasi, kanak-kanak dapat memahami serta menghayati sifat-sifat mulia tersebut dalam amalan seharian.

Prinsip hiburan patuh syariah juga penting dalam pembentukan sahsiah kanak-kanak. Secara asasnya, pengaruh media yang tidak sesuai boleh mengakibatkan masalah pengawalan emosi

(Warmansyah et al., 2023). Oleh itu, pemilihan kandungan animasi yang positif dan mendidik mengikut prinsip Islam amat penting bagi memastikan pembentukan karakter yang seimbang. Konsep penerapan nilai agama dalam pembelajaran kanak-kanak mendapati bahawa ajaran yang konsisten dan berterusan mampu mengukuhkan akhlak yang baik dalam kalangan anak-anak (Pamuji et al., 2024).

Penggunaan animasi sebagai alat pembelajaran dapat memudahkan proses ini, di mana nilai-nilai positif dikaitkan dengan watak serta situasi yang mudah dikenal pasti oleh kanak-kanak. Naratif dan mesej dalam animasi mempunyai potensi signifikan dalam membentuk karakter kanak-kanak dari perspektif Islam. Melalui pengajaran yang berlandaskan sumber-sumber Islam, serta penggunaan teknik yang menyeronokkan seperti animasi, nilai akhlak dan moral dapat ditanamkan dengan cara yang lebih menarik dan mudah diingati. Hasilnya, pendekatan integratif ini bukan sahaja menjaga fitrah semula jadi kanak-kanak untuk bermain, tetapi juga menuntun mereka menjadi individu yang bertanggungjawab dan berbudi pekerti.

Metodologi Kajian

Menurut Denin dan Hassan (2022), kartun berunsur keganasan seperti paparan darah, aksi memenggal, dan watak sadis berpotensi menyebabkan trauma serta perubahan tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak. Lambakan kandungan animasi atas talian dengan unsur keganasan eksplisit seperti visual makhluk ganas yang memakan watak lain, paparan darah bersemburan, serta aksi menikam atau memenggal boleh menimbulkan kebimbangan terhadap kesan peniruan (imitation) dan kesejahteraan emosi kanak-kanak.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan. Pendekatan ini dipilih kerana ia bukan sahaja membolehkan penyelidik mengenal pasti mesej tersurat dan tersirat, tetapi juga sesuai untuk menilai makna visual, dialog, dan tindakan watak secara sistematik. Kaedah ini juga membenarkan penyelidik membuat interpretasi berdasarkan kerangka teori tertentu, iaitu Akhlak Mahmudah, Mazmumah dan Maqasid Syariah, sambil memastikan analisis dijalankan dengan prosedur yang konsisten dan boleh disemak semula. Oleh itu, pendekatan ini adalah paling sesuai untuk mengkaji bagaimana kandungan animasi memberi kesan terhadap pembentukan sahsiah kanak-kanak.

Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada empat animasi popular yang sering ditonton oleh kanak-kanak, iaitu Upin & Ipin, Boboiboy, Frozen, dan beberapa animasi lain. Pemilihan sampel ini dibuat berdasarkan populariti dan capaian luas dalam kalangan penonton kanak-kanak di Malaysia. Setiap animasi dianalisis melalui beberapa episod atau babak yang dikenal pasti mengandungi nilai murni dan unsur negatif.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merangkumi dua komponen utama:

- (1) Analisis Naratif – Penyelidik meneliti tema, dialog, dan mesej yang disampaikan dalam setiap babak animasi.
- (2) Penilaian Nilai Murni vs Unsur Negatif – Kandungan dianalisis untuk mengenal pasti sama ada ia mengandungi nilai murni seperti kasih sayang, hormat, dan kerjasama, atau unsur negatif seperti ejekan, keganasan, dan bahasa kasar.

Prosidur Analisis

Prosedur analisis dijalankan melalui beberapa langkah. Pertama, setiap episod dianalisis dengan membahagikan naratif kepada adegan-adegan utama untuk memastikan unit analisis adalah jelas dan konsisten. Kedua, penyelidik membangunkan set kod awal berdasarkan kategori Akhlak Mahmudah, Mazmumah dan prinsip Maqasid Syariah. Ketiga, satu penganalisan rintis (pilot coding) dijalankan terhadap beberapa adegan bagi memastikan kod difahami dan digunakan secara seragam. Seterusnya, penyelidik mengkod semua adegan dan menggabungkan kod yang bertindih untuk membentuk tema utama. Bagi meningkatkan kebolehpercayaan, kod dan tema disemak semula serta dibandingkan dengan kategori asal bagi memastikan ketekalan interpretasi.

Kerangka Islamik

Analisis kandungan disandarkan kepada kerangka Islamik yang merangkumi dua aspek:

- (1) Akhlak Mahmudah vs Mazmumah – Setiap dialog dan tindakan watak dinilai sama ada mencerminkan akhlak terpuji (mahmudah) seperti sabar, jujur, dan tolong-menolong, atau akhlak tercela (mazmumah) seperti marah, sombong, dan menghina.
- (2) Prinsip Maqasid Syariah – Kandungan animasi diteliti sejauh mana ia selari dengan maqasid syariah, khususnya dalam memelihara agama, akhlak, dan kesejahteraan jiwa kanak-kanak. Hiburan yang patuh syariah harus mengelakkan unsur maksiat, tidak melalaikan, dan memberi manfaat kepada perkembangan sahsiah.

Dapatan Kajian

Naratif Dan Mesej Positif Dalam Animasi Tempatan

Animasi mampu mendidik dan mempengaruhi kanak-kanak. Dalam konteks ini, naratif yang digunakan dalam filem animasi dapat memberikan pendidikan moral dan budaya yang penting kepada golongan ini. Melalui penggabungan elemen naratif dan mesej moral, animasi bukan sahaja menghiburkan tetapi juga memberikan pengajaran yang dapat membentuk karakter kanak-kanak.

Jadual: Animasi yang membawa mesej positif

Animasi	Tajuk Episod	Naratif	Mesej
Upin & Ipin	Hari Raya	Kehidupan dua beradik di kampung dengan nilai kekeluargaan	Syukur, adab makan, hormat orang tua
	Gerobok Rezeki	Aktiviti komuniti yang mengeratkan hubungan sosial	Kerjasama, perpaduan, tanggungjawab sosial
Omar & Hana	Belajar doa sebelum makan	Pendidikan Islam harian melalui kisah keluarga	Disiplin, amalan agama, syukur
Alif & Sofia	Alif & Sofia	Komunikasi beradab dan kemahiran sosial, membantu kanak-kanak memahami bahawa setiap orang mempunyai hak yang sama	berkongsi dan menghormati hak orang lain melalui aktiviti bersama..
Boboiboy	Antara Kawan & Lawan	Hubungan erat antara rakan sepasukan	Setia kawan, empati, sokongan sosial

Jadual di atas menunjukkan contoh naratif positif yang terkandung dalam animasi tempatan. Berdasarkan analisis tersebut, jelas bahawa setiap animasi bukan sahaja berperanan sebagai hiburan, tetapi turut menyampaikan mesej pendidikan yang membentuk sahsiah kanak-kanak. Untuk memahami dengan lebih mendalam, perbincangan berikut menghuraikan bagaimana nilai-nilai ini dipersembahkan melalui babak tertentu serta implikasinya terhadap pembentukan akhlak.

Kajian oleh Siren et al. (2019) mendapati bahawa dalam animasi Upin & Ipin terdapat beberapa siri yang kaya dengan nilai budaya Melayu-Islam yang selaras dengan syariah, termasuk sikap saling menghormati, menjaga perasaan orang lain, dan kasih sayang sesama masyarakat. Nilai ini dipersembahkan melalui adegan kehidupan kampung yang menekankan kerjasama dalam aktiviti harian seperti kenduri dan gotong-royong. Pendekatan ini bukan sahaja menghiburkan, tetapi juga mendidik kanak-kanak tentang pentingnya empati dan solidariti sosial dalam kehidupan bermasyarakat.

Dalam siri Boboiboy dan Upin & Ipin, naratif positif digarap melalui konsep kerjasama, setiakawan, empati, sokongan sosial, serta tanggungjawab. Animasi ini bukan sahaja memupuk semangat kerja berpasukan, tetapi juga memperkenalkan kepelbagaian budaya dan nilai perpaduan dalam kalangan kanak-kanak. Watak-watak dengan latar belakang berbeza digambarkan saling membantu dan menghormati perbezaan, selaras dengan prinsip Islam yang menggalakkan ukhuwah dan toleransi.

Nilai ini penting untuk membentuk generasi yang bukan sahaja berakhlak mulia, tetapi juga mampu hidup harmoni dalam masyarakat majmuk (Md Ariff et al., 2023). Pendedahan kepada naratif yang menekankan keberanian dan tanggungjawab dapat meningkatkan keyakinan diri serta membentuk sikap proaktif dalam kalangan kanak-kanak. Nilai ini selari dengan konsep akhlak mahmudah dalam Islam yang menggalakkan sifat amanah dan keberanian dalam mempertahankan kebenaran (Mahbob & Mat Ariff, 2020).

Kesan animasi juga dapat dilihat melalui pengaruh pakaian dan amalan. Pakaian merupakan identiti sesuatu watak dan melambangkan bangsa. Watak animasi yang menampilkan imej serta budaya masyarakat Malaysia dengan menekankan aurat dan kesopanan akan menjadi contoh serta ikutan kepada kanak-kanak. Sebagai contoh, animasi Omar & Hana dan Alif & Sofia menonjolkan pemakaian yang sopan, sekali gus menyampaikan mesej yang baik. Begitu juga dengan penggunaan tutur kata yang teratur dan sopan.

Secara keseluruhannya, media animasi mempunyai kesan positif dan negatif. Namun, kesan ini perlu dinilai oleh ibu bapa dengan meneliti kandungan animasi secara individu. Dengan ketersediaan rancangan animasi di pelbagai platform selain televisyen, ibu bapa harus bijak memilih dan mengawal tontonan yang sesuai agar animasi bukan sekadar hiburan, tetapi turut menyumbang kepada pembentukan personaliti anak-anak (Mahbob & Mat Ariff, 2020)

Implikasi Naratif Dan Mesej Negatif Animasi Terhadap Kanak-Kanak

Sebahagian kandungan animasi yang menjadi tontonan kanak-kanak memaparkan naratif negatif yang boleh menjejaskan pembentukan sahsiah. Kajian menunjukkan kewujudan unsur sindiran, keganasan ringan, dan bahasa kasar malah dalam beberapa judul animasi antarabangsa seperti *The Boss Baby* dan *Frozen*, terdapat elemen individualisme yang menekankan kepentingan diri berbanding nilai kekeluargaan. Adegan seperti pergaduhan fizikal antara

watak atau penggunaan nada menghina berpotensi menormalkan tingkah laku agresif serta komunikasi tidak beradab dalam kalangan kanak-kanak.

Unsur-unsur ini bercanggah dengan konsep akhlak mahmudah dan boleh mempengaruhi gaya interaksi mereka (Hamdan, 2018). Sebagai contoh, animasi Happy Tree Friends dan Oddbods dalam episod “Si Bubbles Terbahaya” memaparkan mesej yang tidak sesuai untuk kanak-kanak. Dalam Happy Tree Friends, walaupun berimej comel, kandungannya sarat dengan adegan berdarah, pemotongan anggota badan, dan kematian. Begitu juga dalam Oddbods “Si Bubbles Terbahaya”, walaupun bersifat lucu, terdapat adegan eksperimen berbahaya dan kekacauan yang boleh mendorong peniruan aksi tidak selamat. Kedua-dua animasi ini memperlihatkan naratif yang kabur dan maksud adegan yang tidak diperincikan dengan jelas.

Kanak-kanak yang belum matang dari segi kognitif mungkin menganggap adegan berbahaya sebagai lucu dan boleh ditiru, sedangkan ia memberi risiko kepada keselamatan serta perkembangan sahsiah. Situasi ini menunjukkan mesej yang disampaikan tidak selaras dengan nilai pendidikan dan berpotensi membawa implikasi negatif terhadap pembentukan moral kanak-kanak.



Gambar: Adegan yang perlu bimbingan ibubapa

Suatu masa, pernah menjadi satu fenomena yang pernah popular di Malaysia malah serata dunia iaitu animasi Frozen memperlihatkan watak seperti Elsa dan Anna yang digemari kanak-kanak. Namun, analisis kandungan mendapati beberapa adegan perlu dipantau oleh ibu bapa, antaranya:

- 1) Elemen individualisme: Lagu dan mesej seperti Let it go seolah menekankan kebebasan diri. Mesej lagu dalam animasi tersebut boleh difahami sebagai mencari kebebasan sehingga mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga dan komuniti, sekali gus mengutamakan kepentingan peribadi berbanding nilai kekeluargaan.
- 2) Konflik dan pertengkaran: Adegan pertentangan antara watak Elsa dan Anna yang boleh menormalisasi komunikasi tidak beradab serta tingkah laku agresif.

- 3) Mesej kabur tentang hubungan dan peranan: Sebahagian adegan menonjolkan konsep cinta dan kebebasan yang tidak sesuai dengan tahap pemahaman kanak-kanak, berpotensi mengelirukan tentang nilai sebenar kekeluargaan dan tanggungjawab sosial.

Penghasilan animasi untuk kanak-kanak perlu menitikberatkan mesej yang jelas, nilai murni, dan pendekatan yang selamat. Kandungan yang mengandungi unsur keganasan, bahasa kasar, atau individualisme melampau hendaklah ditapis dan dipantau agar tidak menjejaskan pembangunan sahsiah, sejajar dengan keperluan pendidikan watak dan pembentukan akhlak. Naratif negatif seperti bahasa kasar dan keganasan ringan boleh memberi kesan langsung terhadap perkembangan komunikasi dan emosi kanak-kanak. Polemik ketidaksantunan bahasa dalam media, termasuk animasi, perlu diberi perhatian serius kerana ia berpotensi mencemari nilai kesantunan dan budaya ketimuran. Justeru, pemilihan bahasa oleh watak animasi harus diteliti agar selaras dengan prinsip komunikasi beradab, demi memastikan kandungan yang dihasilkan tidak membawa pengaruh negatif terhadap pembentukan sahsiah dan bahasa kanak-kanak (Saimon et al., 2024).

Dalam Islam, hiburan yang mengandungi unsur negatif seperti sindiran, keganasan, dan individualisme bercanggah dengan prinsip pendidikan akhlak yang digariskan dalam al-Quran dan hadis. Islam menekankan pembentukan akhlak mulia melalui prinsip pembiasaan dan keteladanan, seperti yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW:


مَا تَحَلَّ وَالِدٌ وَلَدَهُ أَفْضَلَ مِنْ أَدَبٍ حَسَنِ

Maksudnya: Tidak ada pemberian yang lebih baik daripada orang tua kepada anaknya selain (pendidikan) akhlak yang baik (HR. Tirmidzi).

Kajian oleh Suhid & Che Abah (2023) menegaskan bahawa pendidikan awal kanak-kanak perlu berasaskan nilai Islam agar mereka membesar dengan sahsiah yang seimbang. Oleh itu, pemilihan animasi yang patuh syariah adalah penting untuk memastikan hiburan menjadi medium dakwah dan pendidikan.

Kerangka cadangan Pembangunan Garis Panduan Kandungan Animasi Patuh Syariah

Secara asasnya, kandungan animasi dirancang dengan nilai murni dan pendekatan yang sesuai, ia mampu menjadi medium pendidikan yang berkesan. Hasil dapatan daripada temubual, Informan 1 menekankan keperluan mendesak terhadap pembangunan garis panduan patuh Syariah yang khusus dalam penghasilan animasi Islamik, terutamanya untuk penonton kanak-kanak. Walaupun terdapat garis panduan umum daripada badan berautoriti seperti JAKIM, FINAS, KDN dan Kementerian Penerangan dan Kebudayaan, panduan tersebut masih belum mencukupi untuk dijadikan rujukan spesifik dalam konteks pembangunan kandungan Islamik yang sahih dan berkesan. Prinsip Maqasid Syariah seperti memelihara agama, akal, nyawa, keturunan dan harta menjadi asas penting dalam merangka garis panduan ini



Hasil temubual telah menetapkan beberapa isu utama yang perlu diberi perhatian:

1. Visual dan audio yang tidak selari dengan nilai Islam.
2. Skrip dan bahasa yang mengandungi unsur Israiliyyat atau cerita rekaan tidak sahih.
3. Ketiadaan pemantauan awal sebelum penerbitan, menyebabkan kandungan tersasar daripada matlamat dakwah.
4. Pengaruh hiburan Barat yang boleh merosakkan akidah dan nilai murni.

Isu-isu ini jika tidak ditangani akan bercanggah dengan Maqasid Syariah, khususnya dalam aspek pemeliharaan agama dan akal.

Dapatan menyimpulkan bahawa perlu diwujudkan garis panduan khusus yang diperkasa dan diintegrasikan bagi memastikan penghasilan animasi benar-benar patuh Syariah. Oleh demikian, penulis mencadangkan garis panduan tersebut adalah seperti berikut:

(1) Asas Perundangan

Tayangan animasi mestilah mematuhi Garis Panduan Penapisan Filem (GPPF) (Kementerian Dalam Negeri Malaysia, 2024) di bawah Akta Penapisan Filem 2002 [Akta 620]. Kandungan wajib menitikberatkan tiga teras utama iaitu keselamatan dan ketenteraman awam, keagamaan, serta moral dan sosiobudaya.

(2) Asas Aqidah dan Syariah

Kandungan mestilah selaras dengan prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah. Perlu mengelakkan unsur Israiliyyat, iaitu kisah atau maklumat daripada sumber Bani Israel (Yahudi dan Nasrani) yang diserap ke dalam tafsir atau cerita Islam, khususnya berkaitan sejarah para nabi dan umat terdahulu.

(3) Kandungan Tadabbur al-Quran

Pemilihan ayat dan kisah mestilah sesuai dengan tahap pemahaman kanak-kanak. Rujukan tafsir sahih seperti Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Jalalayn, dan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran (versi Bahasa Melayu) perlu digunakan.

(4) Visual dan Audio

Visual mestilah sopan dan tidak menyerupai budaya hiburan Barat. Audio hendaklah bebas daripada unsur melalaikan atau tidak bermoral.

(5) Bahasa dan Skrip

Gunakan bahasa yang sopan, mudah difahami, dan mendidik. Elakkan skrip yang menghina, menyindir secara kasar, atau lucu yang tidak sesuai.

(6) Gaya Penyampaian dan Durasi

Gaya penyampaian mestilah interaktif dan reflektif. Durasi perlu sesuai agar tidak mengganggu fokus dan rutin kanak-kanak.

(7) Nilai dan Pengajaran

Setiap episod perlu mengandungi nilai murni seperti sabar, jujur, taat, dan kasih sayang. Penyampaian mesej hendaklah dilakukan secara tersurat dan tersirat melalui tindakan watak.

(8) Pemantauan dan Penilaian

Garis panduan perlu digunakan sebelum proses penerbitan dengan melantik panel penilai Syariah untuk menyemak skrip dan kandungan.

Garis panduan ini bertujuan memastikan animasi yang dihasilkan tidak mengeksploitasi isu sensitif yang boleh memberi kesan negatif kepada masyarakat, terutamanya kanak-kanak dan remaja. Ia juga berfungsi sebagai panduan kepada penggiat seni perfileman untuk memahami dasar kerajaan dan menghasilkan kandungan yang selari dengan nilai murni serta keperibadian bangsa. Hal ini sejajar dengan objektif Maqasid Syariah yang memastikan kandungan animasi memelihara agama, akal, nyawa, keturunan dan harta.

Kesimpulan

Naratif dalam animasi merangkumi elemen struktur, perwatakan, dan plot yang dirancang untuk menyampaikan mesej tertentu. Analisis terhadap beberapa plot animasi menunjukkan bagaimana elemen naratif disusun bagi memberikan kesan emosi yang mendalam serta pengajaran moral kepada penonton, khususnya kanak-kanak. Dalam konteks pendidikan, adalah penting untuk meneliti bagaimana naratif ini mencerminkan nilai-nilai positif yang ingin diterapkan dalam jiwa kanak-kanak. Mesej moral yang disampaikan melalui animasi berperanan besar dalam membentuk karakter mereka. Sebagai contoh, siri animasi Upin dan Ipin, Omar & Hana dan seumpamanya mengandungi pelbagai nilai pendidikan karakter seperti menghormati orang lain, berdisiplin, dan bekerjasama. Melalui tontonan animasi ini, kanak-kanak dapat mempelajari empati serta sikap positif dalam interaksi sosial. Kajian turut menunjukkan bahawa integrasi pendidikan karakter melalui naratif media memberi impak signifikan terhadap pembentukan perwatakan kanak-kanak. Oleh demikian, penggiat industri animasi, ibu bapa, dan pendidik perlu memainkan peranan dalam menghasilkan serta memilih kandungan yang menyokong pembentukan insan berakhlak mulia dan berjati diri. Ibu bapa khususnya berperanan sebagai pencorak utama dalam membentuk akhlak dan karakter anak melalui bimbingan serta teladan yang ditunjukkan. Generasi kanak-kanak yang dibentuk dengan nilai positif bukan sahaja menjadi individu berakhlak mulia, tetapi juga pewaris nilai dan pembangunan tamadun bangsa. Justeru, naratif animasi yang sarat dengan mesej moral dan pendidikan karakter dapat menyokong usaha ibu bapa serta pendidik dalam melahirkan generasi berjati diri yang mampu meneruskan kelangsungan tamadun yang beretika dan berdaya saing.

Secara keseluruhannya, naratif dan mesej dalam animasi menyumbang besar kepada pendidikan kanak-kanak di Malaysia. Elemen-elemen seperti moral, nilai karakter, dan kaedah pembelajaran inovatif membolehkan mereka mengembangkan kebolehan sosial dan akademik. Tuntasnya, penghasilan dan pemilihan kandungan animasi harus mempertimbangkan aspek-

aspek ini agar dapat membentuk generasi yang beretika, berpengetahuan, dan berkeperibadian unggul.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam atas sokongan, kemudahan, dan ruang akademik yang memungkinkan penyelidikan serta penulisan artikel ini disempurnakan dengan baik.

Rujukan

- Ahmad, N., & Ibrahim, A. (2024). Penggunaan sumber digital dan perkembangan sosio-emosi kanak-kanak: Tinjauan perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 25(3), 68–76. <https://doi.org/10.37231/jimk.2024.25.3.869>
- Anderson, C. A., Bushman, B. J., Bartholow, B. D., Cantor, J., Christakis, D., Coyne, S. M., ... Ybarra, M. (2017). Screen violence and youth behavior. *Pediatrics*, 140(Supplement 2), S142–S147. <https://doi.org/10.1542/peds.2016-1758T>
- Azlan, S. and Alavi, . (2024). Hubungan sikap menolong dengan tingkah laku prososial kesukarelawanan kanak-kanak sekolah rendah. *Asian People Journal (Apj)*, 7(1), 33-49. <https://doi.org/10.37231/apj.2024.7.1.512>
- Denin, M. J. A. M., & Hassan, M. S. (2022, Oktober 2). Ketagih kartun ganas. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2022/10/888091/ketagih-kartun-ganas>
- Fithriyya, S., Suresman, E., & Anwar, S. (2023). Nilai-Nilai Pendidikan Islam Pada Animasi Riko The Series: Nilai-nilai Pendidikan Aqidah, Ibadah, Akhlak pada animasi Riko The Series. *Tarbiyatuna: Jurnal Pendidikan Islam*, 16(1), 12–26. <https://doi.org/10.54471/tarbiyatuna.v16i1.2094>
- Hamdanah, Surawan, Noor Fahmi (2023). Cartoon film as a medium of moral education for early children. *Jurnal Obsesi : Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 7 (4), 4421-4430. <https://doi.org/10.31004/obsesi.v7i4.5027>
- <https://journal.isi.ac.id/index.php/rekam/article/download/3612/1856> [journal.isi.ac.id]
- <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/download/1778/1387> [unimel.edu.my]
- Ismail, N. K., Zailani, S., Lubis, F. A., Isa, A. D. M., Mat Zain, F., Farid, N. F., Noor, S. F. M., Dahlan, H. A., Noh, N. C., & Khamis, M. F. (2024). Kandungan animasi Islamik untuk pendidikan awal kanak-kanak: Satu tinjauan literatur. *Jurnal Ulwan, Universiti Islam Melaka*.
- Jumrah, M. H., & Jumrah, Z. (2024). Edutainment: The representation of Malaysian culture in the Upin & Ipin: The Lone Gibbon Kris film. *Jurnal Komunikasi*, 14(1), 150–161
- Langga, F. H., Ahmad, H. A., & Mansoor, A. Z. (2020). Representasi Islami dalam animasi “Nussa” sebagai media pembelajaran untuk anak. *Jurnal Rekam, Institut Seni Indonesia*.
- M. Sharib, H.D. (2018). Watak animasi: Kesan dan pengaruh terhadap minda kanak-kanak. *Awal Education*. <https://awaleducation.com/watak-animasi-kesan-dan-pengaruh-terhadap-minda-kanak-kanak/>
- Mahbubi, M., Yaqin, A. A., Kamal, A. B., Rahmatullah, A. Z. A., Rahmat, A. B., Maksum, A., Munir, M., Haydar, M. ‘A., Tobibi, M. R., & Bihi, M. A. K (2023). Media pembelajaran interaktif menggunakan canva pada mata pelajaran fiqih kelas ix di mts nurul wahid alwahyuni sumberan besuk probolinggo. *bahtsuna*, 5(2), 100-107. <https://doi.org/10.55210/bahtsuna.v5i2.249>

- Mat Ariff, M. S. F., & Mahbob, M. H. (2020, September 30). Impak Media Animasi Terhadap Kemahiran Komunikasi Interpersonal Kanak-Kanak. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(4), 1 - 11. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/336>
- Md Ariff, S.N., and Awang Deng, P., and Yaakub, Y. (2023) Pembentukan Perpaduan Di Malaysia Melalui Nilai Budaya Dalam Animasi Upin Dan Ipin (Unity Formation in Malaysia Through Cultural Values in Upin and Ipin Animation). *Applied History Journal of Merong Mahawangsa (AHJMM)*, 1. pp. 82-94
- Mohd Aris, S., Fathullah Harun, H. M., Harun, N. H., Ismail, F. A., & Sahari, N. H. (2023). Penerapan Budaya Filantropi Islam Dalam Kalangan Kanak-Kanak Melalui Cerita Animasi : Satu Kajian Terhadap Animasi Upin Dan Ipin. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 30(2), 164–175. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/658>
- Mutmainna, A. S. (2024). Pola Komunikasi Orang Tua Dalam Pembentukan Karakter Anak Usia Dini . *Indonesian Journal of Elementary and Childhood Education*, 5(4), 189–194. <https://journal.publication-center.com/index.php/ijece/article/view/1698>
- Pamuji, Z., Roqib, M., Basit, A., & Yahya, M. (2024). Implementation of religious culture to develop children's character in early childhood education. *Jpud - Jurnal Pendidikan Usia Dini*, 18(1), 81-98. <https://doi.org/10.21009/jpud.181.06>
- Razak, N., Yusof, S., & Sukor, N. (2021). Terapi bermain menurut pendekatan islam. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 10(2), 61-70. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.2.6.2021>
- RTM. (2025, March 5). Anak ketagih kartun digital? Ini kesan perlu anda tahu! Berita RTM. <https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolum/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/anak-ketagih-kartun-digital-ini-kesan-perlu-anda-tahu>
- Saiful Bahri, N. A., Jamal, N. I., & Syed Hassan, S. (2023). Animasi “Omar & Hana” sebagai medium penyebaran gaya hidup Islam kepada kanak-kanak. *Jurnal Penyelidikan Islam (JOIRC)*, 6(11), 29–41. <https://doi.org/10.55573/JOIRC.061103>
- Saimon, A., Faris, H., Safuan, N. A. H., Mohd Zamri, N. S., & Zulkefli, N. S. (2024). Strategi ketidaksantunan bahasa dalam animasi bersiri kanak-kanak Upin & Ipin musim ke-14 [The impoliteness strategy in animated series Upin & Ipin season 14]. *LSP International Journal*, 11(1), 79–92. <https://doi.org/10.11113/lspi.v11.21723>
- Sairan, M. (2024). Perspektif islam berkenaan teknik bermain dalam pembelajaran pendidikan awal kanak-kanak. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 27, 161-183. <https://doi.org/10.32890/jps2024.27.8>
- Siren, N. R., Ab Razak, M., Yap, A., Abu Hassan, U. H. (2019). Nilai dalam budaya Melayu-Islam melalui filem animasi Upin dan Ipin. *Prosiding ICONIMAD 2019, International Conference on Islam in Malay World IX, Krabi, Thailand*. 90-106
- Suhid, A., & Che Abah, N. (2021). Pendidikan awal kanak-kanak menurut perspektif Islam. *Jurnal Al-Ummah*, 3, 141–164.
- Syed Azmy, S. N. M., Hassan, I., Mansor, N. R., Yusoff, S. Z., & Zakaria, R. (2021). Implicature analysis of value elements in Omar and Hana music animated cartoon. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education*, 12 (6), 3557-3566. <https://doi.org/10.17762/turcomat.v12i6.7144>
- Warmansyah, J., Ismandela, A., Nabila, D., Wulandari, R., Wahyu, W., Khairunnisa, K., ... & Yuningsih, R. (2023). Smartphone addiction, executive function, and mother-child relationships in early childhood emotion dysregulation. *Jpud - Jurnal Pendidikan Usia Dini*, 17(2), 241-266. <https://doi.org/10.21009/jpud.172.05>
- Zakaria, Z. N., Osman, Z., Mohamad, A. N., Abdul Rani, N., & Jusoh, N. (2025). Kepentingan kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah melalui permainan kreatif. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 11(1), 19-27. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol11.1.3.2025>